

SALAHFAHAM TENTANG KEDUDUKAN WANITA MUSLIM

Oleh:

Dr. Mohd Roslan Mohd Nor

Masyarakat bukan Muslim terutama masyarakat barat menganggap bahawa Islam menindas golongan wanita. Tanggapan ini ditambah dengan sikap prejudis mereka apabila melihat kepada identiti wanita Muslim. Imej wanita Muslim seperti pemakaian tudung / purdah, dipaksa untuk duduk di rumah sahaja, tidak dibenarkan memandu kenderaan, merupakan antara perkara-perkara biasa yang dibangkitkan untuk menyerang Islam. Walaupun sesetengah Negara Arab dan Negara yang majoriti rakyatnya Muslim mempunyai undang-undang yang menindas wanita, sepatutnya perkara ini tidak dilihat datangnya dari Islam. Perlu diketahui bahawa Islam tidak menindas golongan wanita. Malah wanita dijamin serta diberikan hak-hak yang pelbagai. Kebanyakan Negara yang menindas wanita itu bukannya menjalankan undang-undang shariah terhadap wanita, tetapi lebih kepada undang-undang yang diperkenalkan sendiri berdasarkan budaya Negara mereka. Negara-negara itu juga tidak mempunyai pandangan yang seimbang terhadap ekuiti jantina (gender).

Sebaliknya, Islam secara jelas memberikan hak ekuiti seimbang kepada lelaki dan perempuan dan peranan yang berbeza tetapi saling lengkap-melengkapi di antara satu sama lain. Islam meletakkan

wanita, samada bujang atau berkahwin, sebagai suatu individu yang mempunyai hak-hak tersendiri, termasuklah hak untuk memiliki pekerjaan, pendapatan, harta dan kekayaan. Pemberian mas kahwin umpamanya, diberikan oleh lelaki kepada wanita untuk diuruskan mengikut kehendak wanita itu. Begitu juga selepas berkahwin, wanita akan terus menggunakan namanya sendiri, tanpa perlu menggunakan nama suami, seperti yang berlaku di barat. Dari sudut pakaian, mereka perlu untuk memakai pakaian yang menutup aurat, pakain yang sempurna dan tidak melampau. Dari cara pemakaian ini akan membentuk akhlak seseorang. Bagi lelaki, selain memilih pakain yang sesuai, mereka mestilah berakhlak baik terhadap isteri. Diriwayatkan daripada 'Asiyah bahawa Nabi SAW bersabda:

خَيْرُكُمْ خَيْرُكُمْ لِأَهْلِهِ

"Yang terbaik dikalangan kamu ialah yang terbaik akhlak terhadap isterinya."

(Sunan al-Tirmizi)

Penindasan terhadap wanita dalam apa jua cara sekalipun, serta memaksa mereka melakukan sesuatu diluar kehendak mereka, sangat tidak selari dengan Islam, malah tidak dibenarkan. Sebagai contoh, Islam tidak membenarkan paksaan kepada anak gadis untuk berkahwin dengan calon yang tidak disukainya. Ini termasuklah segala paksaan daripada ibubapa. Dalam hal ini, ibubapa hanya boleh memberi cadangan sekiranya ada calon yang sesuai, bukan untuk memaksa supaya anak gadis mereka menerima calon itu. Perkahwinan dalam Islam itu sangat mudah. Ia merupakan ikatan kontrek kekeluargaan, yang mana kedua-dua pasangan bebas untuk meletakkan syarat-syarat tertentu. Namun, sesetengah negara seperti Malaysia, perkara ini telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Agama mengikut negeri masing-masing. Perkara yang berbeza dalam perkahwinan ialah adat istiadat yang pelbagai antara satu negara dan negara yang lain. Ia tidak menjadi masalah selagi adat itu tidak bercanggah dengan Islam.

HAK DAN KEBEBASAN WANITA MENURUT ISLAM

Ramai masyarakat pada hari ini melihat bahawa agenda pembebasan wanita itu dimulakan oleh barat. Ramai juga yang melihat bahawa perjuangan hak kesamarataan dan kebebasan wanita hanya bermula pada abad yang ke 20. Sebenarnya, hak kebebasan wanita itu telah bermula sejak kedatangan Islam. Ia berdasarkan kepada wahyu yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad SAW. Sumber rujukan utama kepada hak-hak wanita dan kebebasan yang mereka miliki adalah al-Qur'an dan al-Hadith. Ini merupakan sumber rujukan Islam terhadap isu-isu wanita.

Seterusnya, bab ini akan membincangkan hak-hak wanita seperti terkandung di dalam dua sumber rujukan utama Islam ini.

i. Hak kemanusiaan

Semenjak zaman permulaan Islam 14 kurun yang lalu, kedudukan wanita telah terbela. Islam mengangkat kedudukan wanita di mana mereka adalah sama dari sudut tanggungjawab dengan lelaki, iaitu untuk mentauhidkan Allah dan menyembah-Nya. Ini menunjukkan bahawa Islam tidak meletakkan limit kepada wanita untuk meningkatkan kedudukan moral mereka di sisi agama. Dalam masa yang sama, Islam turut mengiktiraf kedudukan ang setaraf di antara lelaki dan wanita.

Di dalam al-Quran, Allah SWT berfirman di dalam ayat pertama surah yang menyentuh khusus mengenai wanita, Surah al-Nisa':

يٰۤاَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَّاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا
وَبَثَّ مِنْهَا رِجَالًا كَثِيْرًا وَّنِسَاءً ۗ وَاتَّقُوا اللّٰهَ الَّذِي تَسَاءَلُوْنَ بِهِ ۗ وَالْاَرْحَامَ ۗ اِنَّ
اللّٰهَ كَانَ عَلٰىكُمْ رَقِيْبًا ﴿١﴾

Maksudnya: "Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu

(Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya - zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-yebut namaNya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu."

Ayat ini menjelaskan lelaki dan wanita datang dari proses kejadian yang sama. Kerana itu, mereka mempunyai hak sama rata dari sudut kemanusiaan. Wanita bukan menjadi liabiliti kepada Islam. Wanita juga tidak menanggung sebarang dosa warisan, begitu juga lelaki. Ia tidak sepertimana kepercayaan sesetengah agama yang menganggap wanita sebagai golongan yang tidak mempunyai kelebihan.

Begitu juga, kedua-dua jenis gender tidak dianggap sebagai tuan di antara satu sama lain. Maknanya, kedua-dua gender adalah sama dari sudut hak kemanusiaan.

ii. Hak kehidupan

Islam membenarkan seseorang wanita itu untuk mendapatkan hak sivil. Ini termasuklah jaminan Islam terhadap hak kebebasan bersuara, kebebasan memilih, kebebasan berpendapat, dan sebagainya, berdasarkan kepada pencapaian individu wanita itu sendiri. Wanita juga mempunyai hak untuk memilih agamanya. Apabila dia memilih Islam, maka kebebasannya adalah tertakluk kepada ajaran agama tersebut. Allah berfirman:

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ

Maksudnya: "Tidak ada paksaan di dalam agama."

(al-Baqarah, 2: 256)

Di samping itu, wanita amat digalakkan untuk mengeluarkan pandangan serta menyumbang idea dan buah fikiran. Idea-idea yang bernas tida semestinya dating dari lelaki. Lebih-lebih lagi di dalam

Salahfaham Tentang Kedudukan Wanita Muslim

perkara yang melibatkan hal ehwal wanita secara langsung dan tidak langsung. Ada beberapa hadis yang boleh dijadikan contoh, di mana wanita bertanya kepada Nabi Muhammad SAW, dan wanita itu meriwayatkan hadis tersebut, serta menyampaikannya kepada orang lain. Ini termasuklah urusan yang melibatkan perkara agama, ekonomi dan sosial.

Sebuah hadis yang menunjukkan keaktifan wanita pada zaman Nabi SAW, ialah hadis yang disampaikan oleh Maimunah, seorang wanita yang berkhidmat kepada Nabi.

Antara contoh lain bagi hak sivil wanita ialah mengenai perkahwinan dan nama. Wanita boleh memilih pasangannya. Mereka juga boleh menyatakan persetujuan atau tidak bersetuju ke atas lamaran seorang lelaki. Berbeza dengan amalan di barat, wanita Muslim yang berkahwin akan terus mengekalkan nama mereka tanpa perlu ditukar. Di barat, apabila seseorang wanita berkahwin, nama mereka akan disandarkan kepada nama suami mereka. Sebagai contoh,

Wanita Muslim juga boleh menjadi saksi di dalam kes-kes perundangan. Persaksian mereka boleh diterima pakai. Malah, dalam perkara-perkara yang melibatkan urusan wanita, persaksian mereka adalah lebih kuat dan konklusif.

iii. Hak sosial

Menuntut ilmu merupakan suatu kewajipan ke atas umat Islam, lelaki dan wanita. Ini termasuklah ilmu-ilmu yang berkaitan dengan al-Qur'ān, al-Hadīth serta ilmu-ilmu agama dan sosial yang lain. Tidak dinafikan bahawa lelaki dan wanita itu mempunyai kebolehan tertentu untuk belajar dan menuntut ilmu. Di atas kesedaran bahawa wanita Muslim juga mempunyai tanggungjawab dakwah amar makruf nahi munkar, adalah menjadi suatu kewajipan bagi mereka untuk mempersiapkan diri dengan ilmu yang sesuai. Ia

boleh dilakukan mengikut bakat tersendiri serta berdasarkan bidang-bidang yang sesuai bagi mereka dalam menggerakkan dakwah.

Islam membenarkan wanita untuk bekerja demi untuk kebaikan agama, masyarakat dan Negara. Bekerja di luar rumah dibenarkan selagi mereka tidak mengabaikan tanggungjawab utama sebagai isteri, membantu menyediakan keperluan suami, serta membesarkan dan memberi didikan kepada anak-anak.

Dalam masa yang sama, Islam mengiktiraf perbezaan lelaki dan perempuan, terutama dari segi kekuatan fizikal. Justeru, sesetengah pekerjaan lebih sesuai untuk lelaki dan sesetengahnya lebih sesuai untuk wanita. Sebagai contoh, pekerjaan sebagai buruh kasar membina bangunan tinggi sudah tentu lebih sesuai untuk lelaki. Wanita boleh mengambil bahagian dari sudut perencanan plan dan struktur bangunan itu (jurutera), bukan untuk menjadi pengikat batu-bata, pengendali kren atau pemasang cermin tebal bangunan tersebut.

Ini tidak bermakna Islam menafikan sumbangan lelaki mahupun wanita di dalam pekerjaan. Apa yang ditekankan ialah kesesuaian sesuatu pekerjaan itu mengikut batasan jantina. Sudah tentu Allah akan memberikan ganjaran yang setimpal di atas setiap pekerjaan yang mereka lakukan, walaupun kedua-dua jantina mungkin mempunyai pekerjaan yang sangat berbeza di antara satu sama lain. Yang penting ialah pekerjaan itu dilakukan dengan niat yang ikhlas mencari rezeki yang halal dan untuk manfaat agama, bangsa dan negara.

Tetapi, pekerjaan yang haram tidak akan mendapat apa-apa ganjaran dari sudut pahala, malah ia hanyalah menambah dosa semata-mata. Pekerjaan seperti pelayan di kelab-kelab malam, pelacur, bekerja di kasino, kedai nombor ekor, pelayan restoran di hotel yang terlibat menyediakan arak, dan seumpamanya, perlulah dielakkan.

Salahfaham Tentang Kedudukan Wanita Muslim

Mengenai status sebagai isteri dan ibu, Nabi Muhammad menyebut secara jelas bahawa: Syurga itu di bawah tapak kaki ibu. Dalam penafsiran yang tidak sempit, hadis ini membawa maksud yang luas. Antaranya ia memberi gambaran bahawa kejayaan seseorang dan kejayaan sesebuah masyarakat itu adalah bersandar kepada golongan wanita dan ibu. Mereka merupakan orang yang pertama dan paling berpengaruh ke atas seseorang dari pelbagai sudut, termasuklah keselamatan, budi pekerti dan latihan yang diterima daripada golongan ibu.

iv. Hak berpolitik

Islam memberi hak kepada wanita untuk berpolitik. Ini merupakan suatu keistimewaan yang telah diberi sejak lebih 1400 tahun yang lalu, di mana wanita mempunyai hak untuk mengundi memilih pemimpin. Dalam apa jua perkara umum, wanita berhak untuk mengeluarkan pandangan dan mengambil bahagian dalam politik. Salah satu contoh ialah sebuah kisah yang dirakamkan di dalam al-Quran:

يَأْتِيهَا النَّبِيُّ إِذَا جَاءَكَ الْمُؤْمِنَاتُ يُبَايِعُنَكَ عَلَىٰ أَنْ لَا يُشْرِكْنَ بِاللَّهِ شَيْئًا وَلَا يَسْرِقْنَ وَلَا يَزْنِينَ وَلَا يَقْتُلْنَ أَوْلَادَهُنَّ وَلَا يَأْتِينَ بِبُهْتَانٍ يَفْتَرِينَهُ بَيْنَ أَيْدِيهِنَّ وَأَرْجُلِهِنَّ وَلَا يَعْصِيَنَّكَ فِي مَعْرُوفٍ فَبَايِعْنَهُنَّ وَأَسْتَغْفِرْ لَهُنَّ اللَّهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٥٧﴾

Maksudnya: "Wahai Nabi! Apabila orang-orang perempuan yang beriman datang kepadamu untuk memberi pengakuan taat setia, bahawa mereka tidak akan melakukan syirik kepada Allah dengan sesuatu pun, dan mereka tidak akan mencuri, dan mereka tidak akan berzina, dan mereka tidak akan membunuh anak-anaknya, dan mereka tidak akan melakukan sesuatu perkara dusta yang mereka ada-adakan dari kemahuan hati mereka, dan mereka tidak akan menderhaka kepadamu dalam sesuatu perkara yang baik, - maka terimalah pengakuan taat setia mereka dan pohonkanlah kepada Allah

mengampuni dosa mereka; sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."

(al-Mumtahanah, 60: 12)

Allah SWT menyatakan kepada Nabi Muhammad SAW bahawa sekiranya seorang wanita datang kepada baginda dan mengucap syahadah serta menerima Islam, maka baginda perlu menerima pengakuan wanita itu. Ini seterusnya membawa kepada pengukuhan hak wanita di dalam memilih pemimpin dan seterusnya membuat pengakuan rasmi mengenainya. Dapat dilihat di dalam sejarah Islam bahawa Abd al-Rahman Ibn Auf turut meminta pandangan daripada wanita sebelum dia memberi sokongan kepada Uthman Ibn Affan untuk menjadi khalifah.

v. Hak ekonomi

Allah SWT berfirman:

وَمَا خَلَقَ الذَّكَرَ وَالْأُنثَىٰ ۗ إِنَّ سَعْيَكُمْ لَشَتَّىٰ ﴿٣٤﴾

Maksudnya: "Demi Yang menciptakan (makhluk-makhlukNya) lelaki dan perempuan, (jantan dan betina); - Sesungguhnya amal usaha kamu adalah berbagai-bagai keadaannya."

(al-Lail, 3-4)

Di dalam ayat ini, Allah mengisytiharkan bahawa Dia mencipta manusia itu berbeza di antara lelaki dan perempuan, dengan tugas mereka yang unik, pergerakan mereka dan skil mereka yang berbeza di antara satu sama lain. Di dalam sebuah masyarakat, ada pembahagian tugas-tugas tertentu. Maka setiap individu mempunyai tanggungjawab dan perannya yang tersendiri. Secara umum, Islam mengangkat kedudukan wanita dengan memberi kepercayaan di dalam tugas mendidik, manakala lelaki sebagai ketua yang menjaga keselamatan ahli keluarga. Justeru, wanita mempunyai hak untuk mendapat bantuan kewangan untuk melaksanakan tugas mereka dengan lebih berkesan. Malah, di dalam sebuah keluarga, wanita berhak untuk bertindak sebagai pengawal aliran kewangan.

Salahfaham Tentang Kedudukan Wanita Muslim

Allah SWT berfirman:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا
أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ

Maksudnya: "Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka."

(al-Nisa', 4: 34)

Tugas melindungi keluarga dan tugas mencari nafkah yang dipertanggungjawabkan kepada lelaki, sebenarnya menuntut agar mereka memberikan sokongan kewangan serta perlindungan fizikal sebagai tanda kasih sayang dan hormat kepada peranan mereka.

Selain itu, wanita Muslim juga mempunyai hak untuk mencari rezeki dan bekerja. Mereka berhak untuk memiliki harta, tanah atau rumah. Mereka berhak untuk terlibat dengan kontrak jual beli, serta berhak untuk menguruskan segala aset yang mereka ada dalam apa jua bentuk yang mereka fikirkan sesuai. Wanita Muslim mempunyai hak untuk menguruskan perniagaan mereka, dan tiada siapa boleh meminta hasil pendapatan atau keuntungan perniagaannya itu, termasuklah suaminya.

Allah SWT berfirman:

لِّلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا كَسَبُوا وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا كَسَبْنَ

Maksudnya: "Orang-orang lelaki ada bahagian dari apa yang mereka usahakan, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian dari apa yang mereka usahakan."

(al-Nisa, 4: 32).

Wanita mewarisi harta dari keluarga / saudaranya. Allah SWT berfirman:

وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ

Maksudnya: "Dan orang-orang perempuan pula ada bahagian pusaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat."

(al-Nisa', 4: 7)

vi. Hak sebagai seorang isteri

Allah SWT berfirman:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً

Maksudnya: "Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa Ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan."

(al-Rum, 30: 21)

Berdasarkan ayat di atas, dapat difahami bahawa perkahwinan bukan semata-mata untuk memenuhi kehendak fizikal atau perasaan dihati. Tetapi perkahwinan merupakan tanda-tanda yang datangnya dari Pencipta. Ia merupakan hubungan berdasarkan hak dan tuntutan persefahaman bersama, berteraskan wahyu Ilahi. Allah menciptakan lelaki dan wanita sebagai pelengkap kepada kehendak-kehendak jiwa. Saluran untuk memenuhi kehendak-kehendak itu secara halal telah ditetapkan di dalam al-Qur'an yang secara jelas memberi panduan ke arah membina keharmonian hubungan antara jantina yang dibenarkan Islam.

Salahfaham Tentang Kedudukan Wanita Muslim

Allah SWT berfirman:

هُنَّ لِبَاسٌ لَّكُمْ وَأَنْتُمْ لِبَاسٌ لَّهُنَّ

Maksudnya: “Isteri-isteri kamu itu adalah sebagai pakaian bagi kamu dan kamu pula sebagai pakaian bagi mereka.”

(al-Baqarah, 2: 187)

Pakaian sudah tentu akan menjadi pelindung kepada wanita. Ia boleh menutupi diri mereka dari mendedahkan kecantikan diri yang bertentangan dengan hukum *shara'*. Begitu juga bagi lelaki, di mana pakaian boleh menutup aurat mereka seperti yang dikehendaki Islam. Mengambil pengajaran dari hal ini, setiap pasangan perlu menjaga kerahsian setiap pasangan masing-masing tanpa mendedahkan segala kelemahan mereka, kekurangan dan sebagainya kepada orang yang tidak berkenaan.

Demi menjaga perasaan cinta dan rasa selamat yang berteraskan perkahwinan, wanita Muslim mempunyai hak-hak tertentu. Hak yang paling utama bagi wanita yang berkahwin, ialah menerima mahar (mas kahwin). Ia merupakan pemberian wajib daripada suami, dan merupakan syarat kepada ikatan perkahwinan yang sah di sisi Islam.

Hak kedua bagi isteri ialah hak mendapatkan penyelenggaraan. Suami adalah dituntut untuk memastikan kelengkapan penyelenggaraan cukup, seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal. Penyediaan ini merupakan tanggungjawab suami walaupun isteri mempunyai harta. Walaubagaimanapun, suami tidak dipaksa untuk berbelanja lebih dari kemampuan dirinya. Dalam masa yang sama, isteri tidaklah boleh meminta-minta sesuatu yang diluar batas kemampuan suaminya.

Allah SWT berfirman:

لِيُنْفِقَ ذُو سَعَةٍ مِّن سَعَتِهِ ۗ وَمَن قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلْيُنْفِقْ مِمَّا آتَاهُ اللَّهُ لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا مَّا آتَاهَا سَيِّجَعَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا ﴿٧﴾

Maksudnya: “Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya; dan sesiapa yang di sempitkan rezekinya, maka hendaklah ia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (Orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan.”
(al-Talaq, 65: 7)

Allah SWT menerangkan kepada manusia bahawa lelaki bertanggungjawab menjaga wanita, dan lelaki merupakan ketua kepada keluarga. Tanggungjawab suami untuk menyembah Allah perlu untuk dipanjangkan kepada keluarga, iaitu mereka perlu memastikan ahli keluarga juga turut melakukan ibadah menyembah Allah.

Hak isteri sebenarnya menjangkau batasan material. Isteri berhak untuk mendapat layanan terbaik dari suami. Rasulullah SAW bersabda: “Orang yang paling sempurna dikalangan kamu ialah mereka yang terbaik akhlaknya. Dan yang terbaik dikalangan kamu ialah yang paling baik akhlak ke atas isterinya.” Allah SWT menciptakan pasangan-pasangan bersama dengan perasaan cinta, kasih sayang dan harmoni ke atas satu sama lain. Lelaki dan wanita kedua-duanya memerlukan di antara satu sama lain, sebagai pembantu dan pelengkap kehidupan. Justeru, perkahwinan merupakan jalan untuk mewujudkan kerjasama itu demi memenuhi tuntutan-tuntutan jiwa yang waras.

Salahfaham Tentang Kedudukan Wanita Muslim

Vii. Tanggungjawab isteri

Daripada hak-hak yang diberi ke atas isteri, maka lahirlah tanggungjawab. Oleh sebab itu, isteri mempunyai beberapa tanggungjawab utama ke atas suami. Allah SWT berfirman:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ

Maksudnya: "Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan."

(al-Nisa, 4: 34)

Tanggungjawab isteri, antara lain ialah menjaga segala rahsia peribadi suaminya dan rahsia rumahtangga yang dibina. Perkara seperti hubungan intim atau masalah di dalam rumahtangga mungkin akan menjatuhkan maruah suami. Isteri perlu berhati-hati agar perkara dalaman rumahtangga ini tidak disebarluaskan kepada orang lain, sepertimana suami juga perlu menjaga rahsia-rahsia isteri.

Isteri perlu berperanan menjaga harta-harta suaminya. Isteri mestilah mengawal selia keadaan rumah serta perkakas dalam rumah, pada tahap yang paling baik berdasarkan kemampuannya. Selain itu, isteri hendaklah bijak menguruskan hal dalaman keluarga secara bijak bagi mengelakkan kerugian dan pembaziran ke atas barang-barang yang tidak perlu. Perlu juga diketahui bahawa isteri tidak sepatutnya membenarkan sesiapa yang tidak disukai suami untuk masuk ke dalam rumah, dan tidak boleh membenarkan sesiapa yang tidak dikenali suami untuk ke rumah, tanpa izinnya terlebih dahulu. Begitu juga dalam hal berbelanja, isteri tidak seharusnya membeli sesuatu yang tidak mendapat izin suami.

Sebagai seorang wanita Muslim sejati, isteri hendaklah menjalinkan kerjasama yang erat serta padu dengan suaminya. Ini penting demi mewujudkan keluarga idaman yang aman damai, berteraskan Islam. Secara prinsipnya, seorang wanita Muslim tidak perlu bekerjasama dengan lelaki yang tidak menyembah Allah, atau lebih tepat lelaki yang mushrik.

Mengambil pendekatan ini, seorang isteri tidak perlu taat kepada suami yang memintanya melakukan sesuatu yang bercanggah dengan Islam. Sebagai contoh, isteri perlu menolak sekiranya suami menyuruh minum minuman keras, menonton filem lucah, mencuri, dan sebagainya. Suami pula tidak boleh untuk mengambil kesempatan ke atas isteri, tetapi sebagai ketua keluarga, suami mestilah bertimbang rasa dan menyediakan keperluan kepada isteri demi menghormatinya sebagai amanah dari Allah SWT.

PENUTUP

Allah SWT berfirman:

وَمَا كَانَ لِمُؤْمِنٍ وَلَا لِمُؤْمِنَةٍ إِذَا قَضَى اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَمْرًا أَنْ يَكُونَ لَهُمُ الْخِيَرَةُ
مِنَ أَمْرِهِمْ ۗ وَمَنْ يَعِصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا مُّبِينًا ﴿٣٦﴾

Maksudnya: “Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan - apabila Allah dan RasulNya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara - (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan RasulNya maka sesungguhnya ia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata.”
(al-Ahzab, 33: 36)

Wanita Muslim telah diberi hak kebebasan semenjak dari awal kedatangan Islam pada awal kurun ke 7 Masehi. Kebanyakan wanita tidak merasakan kebebasan hak ini kerana kecelaruan pemikiran umat Islam sendiri yang tidak mendalami hal ini. Musuh Islam pula cuba memutarbelitkan isu ini untuk memperlihatkan betapa mundurnya umat Islam. Akibatnya, masyarakat dunia dimomokkan oleh para sarjana barat bahawa wanita Muslim tidak bebas, terkongkong, kahwin secara paksa dan sebagainya.

Salahfaham Tentang Kedudukan Wanita Muslim

Walaupun wanita Muslim digambarkan dengan gambaran yang tidak tepat oleh sesetengah pihak, mereka tidak dapat menafikan bahawa konsep kebebasan itu telah wujud seperti yang telah dihuraikan di atas. Jelas, Allah SWT memberikan kebebasan ini kepada wanita bagi memberi keseimbangan kepada masyarakat. Inilah keindahan Islam yang memberikan hak kepada wanita, meletakkan wanita pada kedudukannya yang tersendiri.